

Latihan 21

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Tulis semula karangan yang lengkap.

Faedah Menyertai Kegiatan Kokurikulum

Kegiatan kokurikulum lebih mendatangkan kebaikan kepada para pelajar.

Kegiatan kokurikulum merangkumi persatuan, _____ 1 _____, permainan dan sukan. Ia kini diadakan di semua _____ 2 _____. Dengan adanya kegiatan kokurikulum, para murid akan didedahkan dengan pelbagai aktiviti. Dengan ini murid-murid dapat _____ 3 _____ bakat mereka yang sedia ada.

Melalui kegiatan kokurikulum ini juga, murid-murid dapat _____ 4 _____ menjadi seorang yang _____ 5 _____. Contohnya, melalui penyertaan di dalam pasukan _____ 6 _____, murid-murid dikehendaki _____ 7 _____ pemimpin dan sentiasa menjaga _____ 8 _____ diri.

Di samping itu, melalui _____ 9 _____ kegiatan kokurikulum, murid-murid akan dilatih untuk bekerjasama serta saling menghormati antara satu sama lain. Dengan ini negara kita dapat terus hidup dengan aman.

Justeru itu, melalui kegiatan aktiviti kokurikulum ini juga, murid-murid dapat dilahirkan sebagai seorang yang _____ 10 _____. Contohnya murid yang menyertai _____ 11 _____ bola sepak, dengan tunjuk ajar yang sempurna ia boleh menjadi seorang pemain bola sepak profesional suatu hari nanti.

Oleh yang demikian, setiap murid harus menyertai kegiatan kokurikulum yang diadakan di sekolah demi _____ 12 _____ masing-masing.

berjaya

berdisiplin

kebaikan

permainan

keperibadian

menghormati

menyertai

pengakap

kelab

sekolah

mengasah

dilatih